

**PANDANGAN DAN CABARAN GURU TERHADAP PELAKSANAAN
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH (PdPR)
DALAM TEMPOH PANDEMIK COVID-19**

Muhammad Izzat Mailis
Kolej Universiti Islam Melaka

Corresponding Author's Email: muhammadizzat@kuim.edu.my

Article history:

Received : 10 August 2021

Accepted : 24 August 2021

Published : 30 December 2021

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui pandangan dan cabaran guru terhadap pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dalam tempoh Pandemik Covid-19. Ia melibatkan guru-guru Sekolah Kebangsaan di daerah Alor Gajah, Melaka yang mewakili sampel kajian seramai 306 orang yang dipilih secara pensampelan rawak mudah. Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kuantitatif jenis tinjauan deskriptif untuk mendapatkan min. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian yang diadaptasi daripada kajian lepas untuk mendapatkan dapatan kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa pandangan guru tentang pelaksanaan PdPR berada pada interpretasi yang sederhana dengan perolehan skor min sebanyak 3.29. Manakala cabaran yang dilalui oleh guru dalam melaksanakan PdPR memperolehi nilai skor min sebanyak 3.69 yang menunjukkan interpretasi yang tinggi. Secara kesimpulannya, dapatan kajian yang telah diperolehi menunjukkan impak yang tinggi untuk diberikan perhatian oleh pihak yang terlibat supaya memandang permasalahan ini dengan serius. Usaha yang berterusan ke arah menjadikan pelaksanaan PdPR sebagai satu platform terbaik mesti dipertingkatkan dari semasa ke semasa walaupun ia sebagai medium sementara yang digunakan. Pandangan yang diberikan oleh guru perlu diambil kira oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan pihak pentadbir sekolah supaya tidak ada masalah yang kritikal yang akan mereka hadapi pada masa akan datang.

Kata kunci: Pandangan, cabaran, guru, pelaksanaan, Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)

**TEACHERS' VIEWS AND CHALLENGES ON THE IMPLEMENTATION
OF HOME-BASED LEARNING (HBL) IN THE TIME
OF THE COVID-19 PANDEMIC**

ABSTRACT

This study was conducted to identifying the views and challenges of teachers on the implementation of Home-Based Learning (HBL) during the Covid-19 pandemic. The study involved the teachers of National School in Alor Gajah district, Melaka, which represented a sample of 306 individuals who were selected using simple random sampling technique. This study used quantitative approach to obtain the type of descriptive review. The survey questionnaire was used as an adapted study instrument rather than a freelance study to obtain study results. The results of the study showed that teachers interpreted the implementation of HBL as easy with a minimum score of 3.29. The challenges faced by the teacher in implementing HBL were rated high with a minimum score of 3.69. In conclusion, the findings of the study have a high impact that needs to be taken seriously by the parties involved. Continuous efforts to implement HBL as the best platform need to be improved from time to time even if it is a medium used

temporarily. The views expressed by the teachers must be taken into consideration by the Ministry of Education and school administrators so that there are no critical problems in the future.

Keywords: Views, challenges, teachers, implementation, Home Based Learning (HBL)

PENGENALAN

Mendepani era pandemik Covid-19 bukanlah suatu perkara yang mudah. Dikala negara-negara di seluruh dunia sedang berhadapan dengan situasi ini, banyak perkara yang sepatutnya dilaksanakan mengikut perancangan terpaksa dihentikan seketika atau dihadkan. Ia susulan daripada kes-kes harian yang dicatatkan terus menunjukkan peningkatan dari hari ke hari. Masalah ini bukan perkara baharu tetapi telah hampir dua tahun masyarakat di dunia telah melaluinya. Dalam situasi ini, sektor pendidikan juga turut menerima kesan daripada pandemik ini kerana aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) perlu dilaksanakan dari kediaman rumah masing-masing. Oleh itu, konsep Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) telah mula diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2020 untuk meneruskan aktiviti PdP seperti biasa walaupun ia dijalankan secara atas talian dari tempat kediaman masing-masing. Dengan pelaksanaan PdPR ini, pihak KPM juga telah mengeluarkan satu garis panduan manual bagi pelaksanaan PdPR untuk memudahkan para guru, para ibu bapa dan murid-murid.

Dalam manual PdPR yang dikeluarkan oleh pihak KPM (2020), ia menyatakan bahawa setiap orang murid berhak untuk mendapatkan peluang mengikuti pendidikan meskipun mereka tidak dapat hadir ke sekolah. Susulan daripada kenyataan ini, melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 juga menjelaskan bahawa setiap murid mendapat akses kepada pendidikan untuk mencapai potensi diri bagi membangunkan kemahiran-kemahiran yang sepatutnya untuk masa akan datang (KPM, 2020). Tempoh pelaksanaan PdPR ini juga tidak diketahui sampai bila dan yang pasti pelaksanaan PdP secara bersemuka akan dijalankan secara berperingkat-peringkat mengikut keadaan semasa. Baru-baru ini juga menerusi kolumnis Astro Awani yang bertajuk 'Tercapaikah Kemenjadian Murid Melalui PdPR', Menteri Kanan Pendidikan, Senator Datuk Dr Mohd Radzi Md Jidin telah mengumumkan dalam satu sidang media bahawa sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bagi negeri-negeri Kumpulan A akan disambung selama 25 hari sehingga 25 Julai 2021 dan untuk negeri Kumpulan B sehingga 26 Julai 2021. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah yang sememangnya wajar memandangkan situasi pandemik Covid-19 semakin membimbangkan masyarakat.

Bertitik tolak daripada artikel tersebut, Hayati Ismail (2021) telah mengemukakan satu persoalan tentang peruntukan jam pembelajaran murid sewaktu mengikuti PdPR kerana pembelajaran bersemuka dan pembelajaran atas talian adalah suatu perkara yang berbeza. Oleh sebab itu, Dokumen Penjajaran Kurikulum (DPK) telah ditambah baik supaya dapat diselaraskan bagi seluruh sekolah-sekolah di Malaysia. Justeru itu, pihak KPM telah mengambil langkah yang bersesuaian pada tahun lalu untuk menjajarkan semula semua kurikulum kebangsaan yang digunakan agar dapat disesuaikan dengan situasi pembelajaran yang tidak menentu ini. Oleh yang demikian, pelaksanaan PdPR ini secara tidak langsung telah memberikan satu cabaran terutamanya kepada para guru dalam memastikan kelangsungan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dalam apa jua keadaan dan situasi.

Menerusi Manual Pelaksanaan PdPR yang dikeluarkan oleh KPM pada tahun lalu, terdapat beberapa garis panduan untuk memudahkan guru menjalankan aktiviti PdP walaupun secara atas talian. Apa yang dijelaskan dalam manual PdPR tersebut, pelaksanaan tersebut boleh dijalankan sama ada secara atas talian atau dalam talian atau secara *off-site*. Guru boleh menjalankan PdPR dengan menggunakan satu daripada kaedah ini atau gabungan kaedah mengikut kesesuaian masing-masing. Tambahan pula, PdPR secara atas talian akan berlaku apabila terdapatnya capaian internet dan penggunaan peranti yang membolehkan murid belajar secara *real time*. Akan tetapi, apabila kita berdepan dengan realitinya tidak semua kawasan kediaman murid-murid mempunyai tahap capaian

internet yang baik malah para guru juga turut berdepan dengan situasi yang sama (Mahadzir Khalid, 2021).

PERNYATAAN MASALAH

Dalam kajian ini, ia memperlihatkan tentang realiti dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh para guru untuk melaksanakan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini. Oleh yang demikian, pengkaji melihat beberapa permasalahan yang berlaku dalam kalangan guru seperti ketiadaan peranti dan jaringan internet yang baik di kawasan luar bandar, penguasaan kemahiran pedagogi guru yang berteraskan kepada digital dan tahap keberkesanan penyampaian pengajaran dan pembelajaran.

Masalah yang pertama ialah ketiadaan peranti dan jaringan internet yang baik di kawasan luar bandar. Seperti yang kita tahu, murid-murid datang dari pelbagai kawasan penempatan. Bukan sahaja murid, malah ada juga dalam kalangan guru yang tinggal di kawasan luar bandar kerana mengajar di kawasan sekolah di luar bandar. Disebabkan oleh ketiadaan peranti yang baik dan juga jaringan internet yang baik di kawasan tersebut, aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) hanya dapat dijalankan secara tidak segerak atau *non-real time* seperti *whatsapp*, *telegram* dan *e-learning*. Kenyataan ini disokong oleh Muhammad Izzat, Zuriani Hanim dan Nurhafizaliyana (2020) yang menyatakan bahawa ia merupakan cabaran besar bagi seseorang pendidik apabila terpaksa berhadapan dengan situasi seperti masalah capaian internet yang menyukarkan kelancaran proses PdP dilaksanakan secara atas talian. Oleh yang demikian, ketiadaan peranti dan jaringan internet yang baik sememangnya akan menyukarkan para guru untuk menjalankan kelas secara segerak atau *real time* seperti *Google Meet*, *Zoom*, *Cisco Webex* dan sebagainya.

Selain itu, penguasaan kemahiran pedagogi guru yang berteraskan kepada digital juga menjadi masalah untuk melaksanakan PdPR. Ini kerana kebanyakan guru yang senior dan berpengalaman perlu menguasai kemahiran dalam menggunakan digital untuk menjalankan kelas secara atas talian. Mereka perlu menguasainya agar selari dengan keperluan pedagogi pengajaran yang dijalankan secara atas talian bagi menyeragamkan pelaksanaan PdPR seperti yang ditetapkan dalam manual PdPR. Walaupun kaedah pembelajaran abad ke-21 telah diguna pakai sejak tahun 2015 lagi, namun masih ramai lagi guru yang masih belum menguasai kemahiran digital dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kenyataan ini juga turut disokong oleh Ong Yao Ping (2020) yang menyatakan bahawa guru perlu menguasai teknologi digital untuk memenuhi tuntutan PdP dengan mengambil kira konteks pendidikan pada masa kini yang sangat memerlukan mereka untuk memiliki tahap literasi teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) yang baik. Justeru itu, penerapan literasi digital dalam kalangan guru sudah semestinya perlu dalam mendepani cabaran pengajaran dan pembelajaran pada masa kini yang menuntut semua perkara dijalankan secara atas talian.

Seterusnya, tahap keberkesanan penyampaian guru dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Seperti yang kita ketahui, aktiviti PdP yang disampaikan secara bersemuka berbeza dengan penyampaian secara atas talian. Ia sebenarnya menjadi satu kerisauan buat mereka sama ada murid-murid faham atau tidak penyampaian yang disampaikan melalui aktiviti PdP secara atas talian tersebut. Kenyataan ini disokong oleh Siti Azura, Suzana dan Zulkarnain (2021) yang menyatakan bahawa seseorang pendidik perlu menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang berbeza untuk membolehkan mereka dapat mengetahui tentang keberkesanan, kebolehlaksanaan, keperluan, halangan dan masalah yang dihadapi dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Oleh itu, guru-guru perlu sentiasa mengemaskini kemahiran pedagogi mereka dengan membuat pembacaan tentang kaedah pelaksanaan pembelajaran atas talian supaya mereka dapat meningkatkan tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran melalui penyampaian yang versetail.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada pernyataan masalah yang telah dijelaskan di atas, maka secara rasionalnya kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui pandangan guru dan cabaran yang mereka lalui sepanjang tempoh pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dalam tempoh pandemik ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Setelah melihat kepada pernyataan masalah di atas, pengkaji mengemukakan dua (2) objektif kajian. Antaranya ialah:

- i. Mengetahui pandangan guru terhadap pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR); dan
- ii. Mengetahui cabaran guru dalam melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

PERSOALAN KAJIAN

Merujuk kepada objektif kajian yang telah dikemukakan, maka pengkaji menyatakan persoalan kajian yang akan menjawab kepada kajian ini nanti. Antaranya ialah:

- i. Apakah pandangan guru terhadap pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)?
- ii. Apakah cabaran guru dalam melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)?

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini memberikan kepentingan kepada beberapa pihak yang terbabit. Antaranya ialah pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, pentadbir sekolah, guru dan ibu bapa.

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia seharusnya memandang masalah dan cabaran yang dihadapi oleh para guru sama ada mereka yang tinggal di kawasan bandar, luar bandar ataupun pedalaman. Kesukaran yang dihadapi oleh para guru dalam melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) adalah satu masalah yang serius. Ini kerana kebanyakan yang terlibat dalam melaksanakan PdPR ini menghadapi masalah yang hampir sama, iaitu keterbatasan rangkaian internet dan penglibatan murid dalam PdPR. Menurut Siti Baizura dan Nurfadilla (2020), tiada penekanan diberikan berkaitan pelaksanaan pembelajaran dalam talian di sekolah walaupun sebenarnya pembelajaran yang digunakan pada ketika ini telah lama diperkenalkan. Justeru, daripada manual PdPR yang dikeluarkan oleh pihak KPM sebagai satu garis panduan untuk menjalankan PdPR perlu ditambah baik dari semasa ke semasa memandangkan perkara ini penting untuk semua pihak yang terlibat. Selain itu, pihak pentadbir sekolah juga perlu memainkan peranan yang penting dalam memastikan masalah dan cabaran yang dihadapi oleh guru untuk melaksanakan PdPR ini dapat diatasi. Kesungguhan yang diberikan oleh guru dengan komitmen yang tinggi perlu dihargai oleh pentadbir sekolah. Meskipun, mana-mana guru yang menghadapi masalah, pihak pentadbir perlu mencari solusi untuk mengatasi masalah tersebut. Menurut Rahayu, Sham, Halijah, Nor Hazimah dan Wan Mohd Khairul (2020), cabaran baharu bagi pemimpin perlu fleksibel dan pelbagai untuk menghadapi sebarang jenis permasalahan yang dihadapi oleh guru-guru mereka. Dalam konteks PdPR, setiap pihak perlu mempunyai strategi untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh para guru, ibu bapa dan murid.

Di samping itu, guru merupakan individu yang melaksanakan dasar pendidikan yang ditetapkan oleh pihak KPM. Maka, guru menggalas tanggungjawab dalam menyampaikan ilmu kepada murid-murid. PdPR yang dilaksanakan memberikan suasana yang berbeza kepada guru untuk mereka membiasakan diri dengan persekitaran dalam norma baharu ini. Menurut Siti Baizura dan Nurfadilla (2020), medium penyampaian bahan pembelajaran dalam tempoh pandemik ini mudah dan cepat untuk dilaksanakan kerana pendekatan yang digunakan ini menuntut guru untuk menggunakan kaedah pengajaran secara berkesan menerusi atas talian. Justeru itu, para guru perlu melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan walaupun mempunyai banyak komitmen seperti menyesuaikan diri dengan komitmen lain termasuk urusan keluarga, pekerjaan atau aktiviti rekreasi.

Seterusnya, ibu bapa juga merupakan pihak yang terlibat dalam membantu anak-anak mereka menyelesaikan apa jua tugas yang diberikan dalam tempoh pelaksanaan PdPR. Model Penglibatan Ibu Bapa daripada Joyce Eipstein boleh digunakan sebagai garis panduan untuk membantu anak-anak mereka dalam aktiviti pembelajaran. Penglibatan ibu bapa penting dalam memastikan masalah yang dihadapi oleh anak-anak mereka terutamanya dalam aktiviti pembelajaran dapat diatasi dengan baik. Menurut Mohd Nasaruddin (2021), dalam memastikan murid-murid mendapat pembelajaran yang sempurna, ia sangat bergantung juga dengan sokongan daripada ibu bapa kerana mereka perlu mencari jalan untuk mengurangkan tekanan yang dialami oleh anak-anak mereka semasa PdPR dijalankan. Justeru itu, memandangkan PdPR bersifat fleksibel, maka ibu bapa seharusnya tidak menekan dan memaksa anak-anak mereka untuk menyelesaikan semua tugas yang diberikan oleh guru dengan serta-merta.

SOROTAN LITERATUR

Di dalam era digital revolusi terkini, transformasi pendidikan ke arah kaedah andragogi, siberlogi dan peeragogi dalam kalangan murid menerusi pembelajaran yang dijalankan secara digital telah pun berlaku di Malaysia. Misalnya, di negara-negara maju telah lama mempraktikkan pelaksanaan pembelajaran atas talian kerana ia dipercayai mampu memberikan pelbagai manfaat dan kebaikan kepada para guru dan murid-murid. Menurut Mohd Idham (2020), kaedah pengajaran yang dilaksanakan oleh setiap orang pendidik perlu mempunyai kualiti seperti memperkenalkan apparatus dan metodologi yang dapat membantu meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran tersebut. Penyediaan bahan-bahan pembelajaran yang disediakan oleh guru juga memudahkan murid memuat turun bahan-bahan tersebut menerusi aplikasi yang digunakan dalam pembelajaran atas talian. Selain itu, memandangkan platform digital telah digunapakai secara meluas pada masa kini, pendidik dan juga institusi pendidikan perlu memastikan jaringan keselamatan yang terkawal agar tiada isu kebocoran maklumat murid dan sebagainya. Tambahan pula, mereka juga perlu memastikan platform digital yang boleh dipercayai dan mampu untuk mengukur prestasi akademik sebenar melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran atas talian.

Platform-platform digital yang sedia ada seperti *Skype, Google Meet, Microsoft Teams, Zoom, Whatsapp, Telegram* dan sebagainya digunakan oleh guru-guru untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara atas talian. Platform yang digunakan memerlukan para pengajar dan pelajar untuk berinteraksi antara satu sama lain walaupun kadangkala menghadapi masalah rangkaian internet dan sebagainya. Ia boleh dijalankan oleh guru-guru sama ada secara segerak atau tidak segerak dan bergantung juga kepada tahap kelajuan rangkaian internet di kawasan masing-masing. Menurut Wan Hasanul (2021), untuk mereka yang menjalankan sesi PdPR ini sama ada guru atau murid, masing-masing perlu mempunyai alat peranti seperti komputer riba, telefon bimbit dan juga rangkaian internet yang baik. Secara umumnya, kebaikan dan kekurangan dalam pelaksanaan pembelajaran atas talian akan memberikan kesan kepada kesihatan mental dan emosi guru dan murid jika ia tidak diatasi dengan baik kerana situasi seperti ini sudah pasti memberikan tekanan kepada mereka untuk meneruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di rumah.

Kesediaan dan komitmen yang diberikan oleh para guru melalui PdPR dalam tempoh Pandemik Covid-19 ini akan menjadi lebih bermakna apabila kemudahan-kemudahan yang sedia ada dalam platform digital yang digunakan sebagai medium penyampaian bahan pembelajaran menjadi mudah dan cepat ditambah pula apabila PdPR ini menuntut guru untuk menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara berkesan (Siti Baizura dan Nurfadillah, 2020). Menurut Hajjah Rohani (2021), norma baharu ini telah membuka ruang pembelajaran kepada kaedah *virtual learning* (pembelajaran maya) yang mana penggunaan platform digital merupakan pilihan yang terbaik sebagai alternatif kepada PdP yang berbentuk fizikal yang terpaksa ditinggalkan oleh warga pendidik dan pelajar sepanjang tempoh PKP. Guru-guru telah beralih dengan menggunakan alat-alat peranti sebagai medium utama pengajaran. Menurut Muniroh, Siti Balqis, Pei Eng (2020), kemahiran pembelajaran sepanjang hayat (*life long learning*) sebenarnya mampu menghasilkan murid yang dapat menguasai kemahiran literasi digital jika ia dapat dimanfaatkan dengan baik.

Kemahiran mencari maklumat atau bahan untuk dipelajari, pembelajaran sendiri dan berdikari, bermotivasi serta boleh membuat refleksi terhadap pembelajaran memerlukan komitmen yang tinggi daripada para guru untuk menentukan apa yang perlu dipelajari oleh murid. Cabaran pandemik Covid-19 telah mengubah fokus pembelajaran daripada kaedah pembelajaran secara tradisional iaitu kaedah bersemuka di dalam kelas kepada pendidikan secara dalam talian sebagai penyelesaian dalam pendidikan sebagai usaha untuk menangani masalah ini. Irfan Fauzi dan Iman Hermawan (2020) juga menjelaskan bahawa bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran dari pelbagai sumber yang dipercayai mudah untuk diperolehi dan dikemaskini oleh para guru untuk diberikan kepada pelajar. Ini kerana semua urusan dibuat secara dalam talian namun keadaan yang dilalui ketika ini hanya sementara dan persekitaran pembelajaran akan seperti sedia kala setelah keadaan mengizinkan.

METODOLOGI

Metodologi kajian dibahagikan kepada reka bentuk kajian, populasi dan pensampelan kajian, instrumen kajian, kajian rintis dan analisis data.

Reka Bentuk Kajian

Menurut Kaliammah Krishnan dan Md. Yusoff Daud (2020), reka bentuk kajian merupakan satu set panduan yang sistematik dalam menentukan kaedah yang betul untuk menjalankan kajian supaya objektif kajian yang ditetapkan akan menjawab keseluruhan kajian. Justeru itu, kajian ini adalah kajian yang berbentuk kuantitatif yang menggunakan reka bentuk tinjauan deskriptif untuk mendapatkan pandangan guru tentang pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dan mengenal pasti cabaran yang mereka hadapi sepanjang melaksanakan PdPR.

Populasi dan Pensampelan Kajian

Kajian ini terdiri daripada guru-guru sekolah kebangsaan di daerah Alor Gajah, Melaka yang mempunyai jumlah populasi seramai 1597 orang. Menurut Krejcie dan Morgan (1970), jumlah minimum bagi populasi 1597 ialah seramai 306 orang sahaja.

Oleh yang demikian, jumlah sampel kajian yang seramai 306 orang ini dipilih secara pensampelan rawak mudah juga tidak ditentukan oleh prosedur pensampelan kerana sesiapa sahaja boleh dijadikan sampel kajian (Creswell, 2009). Menurut Ghazali dan Sufean (2018), pemilihan sampel kajian ini dipilih secara rawak mudah kerana ia memenuhi kriteria Sekolah Kebangsaan (SK) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang turut menggunakan Dokumen Penjajaran Kurikulum (DKP) dan garis panduan manual PdPR yang sama dengan sekolah kebangsaan yang lain di Malaysia.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan instrumen borang soal selidik yang diadaptasi daripada kajian lepas yang dijalankan oleh Siti Nurbaizura dan Nurfadilla (2020) berkenaan Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan *Home Based Learning* (HBL) semasa tempoh Pandemik Covid-19. Borang soal selidik ini digunakan kerana ia bersesuaian dengan tajuk kajian ini yang ingin mendapatkan pandangan guru tentang pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dan juga cabaran yang mereka hadapi dalam melaksanakan PdPR sepanjang tempoh pandemik ini. Justeru itu, soal selidik ini telah diubahsuai mengikut kesesuaian kandungan agar selari dengan fokus kajian ini. Borang soal selidik ini mengandungi dua bahagian, iaitu bahagian A berkenaan dengan pandangan guru tentang pelaksanaan PdPR dan bahagian B tentang cabaran yang dihadapi oleh guru. Oleh itu, soal selidik ini menggunakan Skala Likert lima mata seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah ini.

Jadual 1.1
Skala Likert

Skala	Keterangan
1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Kurang Setuju (KS)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (SS)

Kajian Rintis

Kajian rintis yang dijalankan adalah bertujuan untuk mendapatkan kebolehpercayaan instrumen kajian. Oleh yang demikian, kajian rintis telah dijalankan kepada 30 orang guru yang mengajar di sekolah kebangsaan di daerah Melaka Tengah, Melaka memandangkan kiraan statistik akan berfungsi sekiranya sampel (n) melebihi 30 orang (Ghazali dan Sufean, 2018). Setelah menjalankan kajian rintis, nilai *Cronbach Alpha* bagi instrumen yang digunakan ialah 0.80. Pekali kebolehpercayaan telah menunjukkan bahawa soal selidik tersebut boleh digunakan untuk kajian sebenar memandangkan nilai yang diperolehi menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang baik berdasarkan daripada jadual Nilai Kebolehpercayaan (Lim, 2007) di bawah ini.

Jadual 1.2
Nilai Kebolehpercayaan

Pekali kebolehpercayaan	Tahap kebolehpercayaan
.90 dan ke atas	Amat baik
.80-.89	Baik
.60-.79	Sederhana
.40-.59	Diragui
.00-.39	Ditolak

Analisis Data

Proses analisis data merupakan fasa yang penting untuk mendapatkan maklumat yang telah diperolehi agar ia bertepatan dengan objektif kajian dan persoalan kajian sama ada tercapai atau sebaliknya. Menurut Gravetter dan Wallnau (2016) yang menjelaskan bahawa analisis statistik deskriptif merupakan prosedur statistik yang sistematik untuk digunakan bagi membuat kesimpulan kajian. Dalam menganalisis data yang telah diperolehi, perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 23.0 telah digunakan untuk mendapatkan min bagi kedua-dua bahagian yang terdapat dalam soal selidik.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini diukur dari dua aspek, iaitu pandangan guru tentang pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dan cabaran yang mereka hadapi sepanjang melaksanakan PdPR dalam tempoh pandemik Covid-19 ini. Kajian ini merujuk kepada interpretasi skor min yang dikemukakan oleh Pallant dalam Muhammad Izzat, Zuriani Hanim dan Nur Hafizaliyana (2020) seperti dalam jadual yang berikut.

Jadual 1.3

Interpretasi Skor Min

Tahap	Skor Min
Tinggi	3.67-5.00
Sederhana	2.34-3.66
Rendah	1.00-2.33

Pandangan Guru Terhadap Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) Dalam Tempoh Pandemik Covid-19

Jadual 1.4 menunjukkan bahawa dapatan kajian yang diperolehi berkaitan dengan pandangan guru terhadap pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dalam tempoh pandemik Covid-19. Berdasarkan nilai min yang diperolehi, kesemua responden kajian memberikan pandangan yang sederhana tentang pelaksanaan PdPR yang dijalankan dengan perolehan min keseluruhan sebanyak 3.29. Daripada tujuh item yang terkandung, hanya dua item sahaja yang menunjukkan interpretasi yang tinggi, iaitu memudahkan guru menghantar tugas kepada murid (3.83) dan memudahkan guru mengemaskini bahan pengajaran dari semasa ke semasa (3.71). Empat item yang lain pula menunjukkan interpretasi yang sederhana, iaitu membuat penilaian terhadap murid (3.58), menyediakan bahan-bahan pengajaran (3.51), menjadikan bahan bantu mengajar guru lebih efektif dan menarik (3.36) dan memudahkan penyampaian guru kepada murid (3.21). Satu item menunjukkan interpretasi yang rendah, iaitu PdPR lebih menarik berbanding pembelajaran bersemuka dengan perolehan nilai min sebanyak 1.84.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan PdPR sebenarnya memudahkan guru untuk menghantar tugas kepada murid dan memudahkan mereka mengemaskini bahan pengajaran dari semasa ke semasa dalam tempoh pandemik Covid-19. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini juga telah menunjukkan bahawa PdPR mudah untuk guru membuat penilaian terhadap murid, mudah untuk menyediakan bahan-bahan pengajaran, dapat menjadikan bahan bantu mengajar yang lebih efektif dan menarik dan memudahkan penyampaian kepada murid. Namun begitu, ia harus diakui juga bahawa pembelajaran bersemuka lebih berkesan berbanding PdPR kerana ia memudahkan guru untuk menyampaikan ilmu dengan lebih berkesan. Hakikatnya, buat masa sekarang PdPR perlu digunakan sebagai alternatif bagi pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran memandangkan situasi pandemik pada hari ini menunjukkan bilangan kes harian yang tinggi dan semakin membimbangkan ramai pihak.

Jadual 1.4

Pandangan Guru Terhadap Pelaksanaan PdPR Dalam Tempoh Pandemik Covid-19

Pernyataan	Min	Interpretasi
PdPR memudahkan penyampaian pengajaran saya kepada murid.	3.21	Sederhana
PdPR memudahkan saya untuk menyediakan bahan-bahan pengajaran.	3.51	Sederhana
PdPR menjadikan bahan bantu mengajar saya lebih efektif dan menarik.	3.36	Sederhana
PdPR memudahkan saya mengemaskini bahan pengajaran dari semasa ke semasa.	3.71	Tinggi
PdPR memudahkan saya menghantar tugas kepada murid.	3.83	Tinggi
PdPR memudahkan saya membuat penilaian terhadap murid.	3.58	Sederhana
PdPR lebih menarik berbanding pembelajaran bersemuka.	1.84	Rendah
Min Keseluruhan	3.29	Sederhana

Cabaran Yang Dihadapi oleh Guru Untuk Melaksanakan PdPR Dalam Tempoh Pandemik Covid-19

Jadual 1.5 pula menunjukkan tentang dapatan kajian yang diperolehi berkaitan dengan cabaran yang dihadapi oleh guru untuk melaksanakan PdPR dalam tempoh pandemik Covid-19. Berdasarkan nilai min yang diperolehi, kesemua responden kajian telah memberikan maklum balas yang tinggi tentang cabaran yang mereka hadapi dalam melaksanakan PdPR ini dengan perolehan min keseluruhan sebanyak 3.69. Daripada tujuh item yang disenaraikan, lima item menunjukkan interpretasi yang tinggi dengan perolehan min sebanyak 3.91 bagi item tidak dapat mewujudkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai, 3.73 bagi item kesukaran mewujudkan komunikasi dua hala dengan murid, 3.72 bagi item kurangnya sokongan pembelajaran daripada ibu bapa atau penjaga, 3.69 bagi item kurang pengetahuan dan kemahiran tentang teknologi dan 3.67 bagi item tidak mempunyai akses internet yang stabil. Dua item yang lain memperolehi interpretasi yang sederhana dengan nilai min sebanyak 3.55 bagi item tidak mahir dalam penggunaan media sosial, e-mel, platform pendidikan atas talian dan 3.53 bagi item tidak mempunyai kemudahan telefon, komputer riba, tablet atau sebarang peranti lain.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh guru-guru untuk melaksanakan PdPR dalam tempoh pandemik Covid-19 ialah mereka tidak dapat mewujudkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai, menyukarkan mereka untuk mewujudkan komunikasi dua hala dengan murid, kurangnya sokongan pembelajaran yang diberikan oleh ibu bapa atau penjaga, kurangnya juga pengetahuan dan kemahiran tentang teknologi dan tidak mempunyai akses internet yang stabil. Akan tetapi, cabaran lain seperti tidak mahir dalam penggunaan media sosial, e-mel, platform pendidikan atas talian dan tidak mempunyai kemudahan telefon, komputer riba, tablet atau sebarang peranti lain juga perlu diberikan perhatian oleh pihak yang terlibat. Ia bagi memastikan cabaran yang dihadapi oleh para guru dapat ditangani bersama agar PdPR dapat dilaksanakan dengan berkesan dan memberikan kebaikan kepada murid.

Jadual 1.5

Cabaran Guru Untuk Melaksanakan PdPR Dalam Tempoh Pandemik Covid-19

Pernyataan	Min	Interpretasi
Kurang pengetahuan dan kemahiran tentang teknologi.	3.69	Tinggi
Kesukaran mewujudkan komunikasi dua hala dengan murid.	3.73	Tinggi
Tidak mempunyai akses internet yang stabil.	3.67	Tinggi
Tidak mempunyai kemudahan telefon, komputer riba, tablet atau sebarang peranti lain.	3.53	Sederhana
Tidak mahir dalam penggunaan media sosial, e-mel dan platform pendidikan atas talian.	3.55	Sederhana
Kurangnya sokongan pembelajaran daripada ibu bapa / penjaga.	3.72	Tinggi
Tidak dapat mewujudkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai.	3.91	Tinggi
Min Keseluruhan	3.69	Tinggi

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Hasil dapatan kajian bagi dua persoalan dalam kajian ini telah menunjukkan interpretasi yang berbeza, iaitu sederhana bagi pandangan guru terhadap pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dalam tempoh pandemik Covid-19 dan interpretasi yang tinggi bagi cabaran guru untuk melaksanakan PdPR dalam tempoh pandemik Covid-19.

Berdasarkan dapatan kajian bagi persoalan kajian pertama, pengkaji mendapati bahawa responden telah memberikan pandangan yang sederhana tentang pelaksanaan PdPR ini. Ini kerana perubahan yang dihadapi oleh guru memerlukan masa untuk mereka menyesuaikan diri dengan situasi norma baharu disebabkan oleh pandemik Covid-19 yang melanda. Maka, pembelajaran atas talian adalah yang terbaik buat masa ini dalam meneruskan kelangsungan bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Dapatan ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Irfan Fauzi dan Iman Hermawan (2020) yang menyatakan bahawa pembelajaran dalam talian merupakan platform yang terbaik dalam tempoh pandemik ini namun ia tidak sesuai dijadikan sebagai pengganti kepada pembelajaran konvensional yang dijalankan sebelum ini.

Dapatan kajian bagi persoalan kajian kedua pula, pengkaji mendapati bahawa responden telah memberikan maklum balas yang tinggi bagi cabaran yang mereka hadapi untuk melaksanakan PdPR dalam tempoh pandemik Covid-19 ini. Sebenarnya, cabaran-cabaran yang mereka hadapi memberikan kesan kepada pelaksanaan PdPR yang dijalankan. Walaupun PdPR telah dijalankan pada tahun lepas sejurus selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), namun ia masih lagi menjadi cabaran yang terpaksa dilalui oleh guru-guru setiap kali pembelajaran bersemuka tidak dapat dilaksanakan. Dapatan ini selaras dengan pandangan daripada Mohd Idham (2020) yang menjelaskan bahawa setiap pendidik harus mempelbagaikan metodologi pengajaran yang dapat membantu mereka meningkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan dalam mengurangkan cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi.

Kesimpulannya, dapatan kajian yang telah diperolehi menunjukkan impak yang tinggi untuk diberikan perhatian oleh pihak yang terlibat supaya memandang permasalahan ini dengan serius. Usaha yang berterusan ke arah menjadikan pelaksanaan PdPR sebagai satu platform terbaik mesti dipertingkatkan dari semasa ke semasa walaupun ia sebagai medium sementara yang digunakan. Pandangan yang diberikan oleh guru perlu diambil kira oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan pihak pentadbir sekolah supaya tidak ada masalah yang kritikal yang akan mereka hadapi pada masa akan datang. Begitu juga dengan cabaran-cabaran yang terpaksa mereka lalui untuk memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan seperti biasa walaupun secara atas talian. Komitmen yang diberikan oleh para guru perlu dipuji kerana mereka tetap melaksanakan PdPR seperti biasa walaupun terdapat pelbagai cabaran yang terpaksa dilalui.

RUJUKAN

- Creswell, J.W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches (3rd Edition)*. California: Sage Publication.
- Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin. (2018). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Gravetter, F. J., dan Wallnau, L. B. (2016). *Statistics For The Behavioral Sciences*. Cengage Learning.
- Hajjah Rohani. (2021). *Pandemik Covid-19 dan Norma Baru dalam Pendidikan Malaysia*. Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Malaysia.
- Hayati Ismail. (2021). *Tercapailah Kemenjadian Murid Melalui Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPr)*. Kolumnis Astro Awani bertarikh 8 Jun 2021.
- Irfan Fauzi dan Iman Hermawan Sastra Khusuma. (2020). Teachers' Elementary School in Online Learning of COVID-19 Pandemic Conditions. *Jurnal Iqra'*: Kajian Ilmu Pendidikan, 5(1), pp.58-70.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Mahadzir Khalid. (2021). Cabaran Pendidikan Dalam Talian – Realiti atau Fantasi?. Pemikir Baharu Utusan Malaysia. Diperolehi semula pada 5 Ogos 2021 daripada laman web <https://www.utusan.com.my/berita/2021/01/cabaran-pendidikan-dalam-talian-realiti-atau-fantasi/>
- Mohd Idham. (2020). COVID-19: Pembelajaran atas talian suatu keperluan ke arah menuju Malaysia Maju. Diperolehi semula pada 6 Ogos 2021 melalui laman web <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-pembelajaran-atas-talian-suatu-keperluan-ke-arah-menuju-malaysia-maju-237496>
- Mohd Nasaruddin. (2021). Kejayaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah Bergantung Kepada Ibu bapa dan Murid. Diperolehi semula pada 5 Ogos 2021 daripada laman web <https://bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/818379/kejayaan-pdpr-bergantung-kepada-ibu-bapa-murid>
- Muhammad Izzat Mailis, Zuriani Hanim dan Nur hafizaliyana. (2020). Persepsi Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Secara Atas Talian Dalam Era Pandemik Covid-19. *Jurnal Kesidang*, Vol.5, 2020: 88-99.
- Muniroh, Siti Balqis dan Pei Eng. (2020). *Adaptasi Pengajaran dan Pembelajaran Secara Maya Dalam Kebiasaan Baharu Semasa Pandemik Covid-19*. Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, Malaysia. SIG : e-Learning@CS. eISBN : 978-967-0841-88-5.
- Ong Yao Ping. (2020). Guru Perlu Kuasai Teknologi Digital Penuhi Tuntutan PdP. Diperolehi semula pada 5 Ogos 2021 melalui laman web <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2020/07/714249/guru-perlu-kuasai-teknologi-digital-penuhi-tuntutan-pdp>
- Rahayu, Sham, Halijah, Nor Hazimah dan Wan Mohd Khairul. (2020). *Peranan dan Cabaran Pemimpin Pendidikan Dalam Memastikan Matlamat dan Agenda Pendidikan Dilestari dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19*. Jabatan Pembangunan Staf. Institut Aminuddin Baki. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Siti Azura, Suzana dan Zulkarnain. (2021). Keberkesanan Pembelajaran dan Pengajaran Dalam Talian (e-pembelajaran) Terhadap Pembelajaran Pelajar di Kolej Komuniti Hulu Langat. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* Universiti Malaysia Pahang Press ISSN: 2289-7216 (PRINT), e-ISSN: 2600-8815 (ONLINE) IJHTC Issue 10, Vol 2 March 2021. pp 1-14.
- Siti Baizura dan Nurfadilla. (2020). Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian Melalui Pendekatan Home Based Learning (HBL) Semasa Tempoh Pandemik COVID-19. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, Jilid 11 Edisi Khas, 2020 / ISSN 1823-6812 (46-57).

*Pandangan Dan Cabaran Guru Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran
Di Rumah (Pdpr) Dalam Tempoh Pandemik Covid-19
Muhammad Izzat Mailis*

Wan Hasanul. (2021). Pembelajaran Secara Atas Talian di Malaysia: Kelebihan dan Kekurangan. Diperolehi semula pada 6 Ogos 2021 melalui laman web <https://theinspirasi.my/pembelajaran-secara-atas-talian-di-malaysia-kelebihan-dan-kekurangan/>